



Received: 2024-03-27

Accepted: 2024-06-21

Published: 2024-06-25

Original Article

## **Maṭla' Anak Bulan Menurut Perspektif Fiqh** **(Maṭla' al-Hilal From Islamic Jurisprudence Perspective)**

Muhammad Ridzuan bin Hashim<sup>a\*</sup> Saadan bin Man<sup>b</sup> & Mohd Saiful Anwar bin Mohd Nawawi<sup>b</sup>

<sup>a</sup> Calon PhD, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

<sup>b</sup> Prof. Madya di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

\* Corresponding author, email; readz\_ikhlas@yahoo.com

### ABSTRACT

Maṭla' in observing the moon crescent is an important process in determining the beginning of the Hijri month in Islam. From a fiqh perspective, the maṭla' of the moon is a significant issue that affects the Islamic calendar, especially in setting important dates such as the beginning of Ramadan and Hari Raya. The process of maṭla' involves thoroughly observing the moon's crescent to determine its visibility. This is typically done by experienced individuals who are knowledgeable about astronomy and the lunar cycle. They look for the first sighting of the crescent after the new moon, using specialized equipment or even with the naked eye with relevant criteria. The accuracy of this observation is crucial in determining the beginning of the Hijri month and the corresponding Islamic events. To determine the beginning of the Hijri month accurately, scholars form certain methods based on fiqh rules to identify the maṭla' of the moon. Different schools of jurisprudence have different opinions about the determination of the maṭla' of the moon, including the criteria for understanding relevant hadiths. A textual analysis has been done in this study to ensure consistency and accuracy in setting the beginning of Hijri month for matters of worship and celebration in Islam.

**Keywords:** *matla'*; new moon crescent; al-hilal; falak; fiqh & astronomy.

### Pendahuluan

Sebelum kedatangan penjajah barat ke alam Melayu, rantau Melayu telah sekian lama bersatu. Alam melayu meliputi tanah daratan Semenanjung Tanah Melayu, Selatan Thailand dan Kampuchia, Kepulauan Sumatera, Jawa, Madura, Kalimantan, Sulawesi, Maluku, Filipina dan kepulauan-kepulauan kecil yang lain.<sup>1</sup> Orang Melayu pada satu masa dahulu menamakan tanah ini dengan tanah jawi dan penduduknya digelar bangsa jawi bersesuaian dengan tulisan jawi

<sup>1</sup> Hashim Musa et.all, "Sejarah Ringkas Warisan Perkapalan Tradisional Melayu," *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 2, no. 3 (2014): 31–42.

yang digunakannya dalam rantau ini,<sup>2</sup> kemudian berpegang dengan pegangan Mazhab Shafi'i sejak sekian lama<sup>3</sup>

Era penjajahan telah menyaksikan rantau melayu serumpun ini menjadi mangsa dasar pecah perintah oleh penjajah British dan Belanda. Melalui Perjanjian Inggeris Belanda tahun 1824 yang juga dikenali dengan nama Perjanjian London atau Perjanjian Netherland telah membawa impak yang sangat besar kepada rantau serumpun ini, rantau ini terpisah dan terasing sehinggakan tiada pertalian.<sup>4</sup> Semakin lama semakin jauh lebih-lebih lagi generasi terkemudian yang tidak lagi membudayakan budaya tradisi bangsa melayu yang agung dan istimewa.

Disebabkan kedatangan penjajah barat ini, tanah orang-orang melayu telah dipecahkan dan diberi kepada beberapa negara untuk menguruskan hal ehwal seperti keselamatan, perdagangan, ekonomi dan hal ehwal berkaitan agama. Kesan dari pemisahan ini akhirnya bangsa melayu terpaksa mengharungi perjuangan membela tanah air mereka secara terpisah dan terasing.<sup>5</sup> Keadaan ini telah menjadi rumit apabila sempadan-sempadan antara negara telah disekat manakala hal ehwal berkaitan agama termasuk penentuan awal bulan Islam, penentuan awal Ramadan dan awal Hari Raya ditentukan sendiri oleh negara-negara yang telah dipecahkan.<sup>6</sup>

Sungguhpun begitu, Malaysia dan negara-negara serantau termasuk Indonesia, Singapura dan Brunei telah menubuhkan MABIMS<sup>7</sup> bagi melicinkan proses pentadbiran termasuk urusan berkaitan penentuan awal bulan Islam, penentuan awal Ramadan dan awal Hari Raya.<sup>8</sup> Walaupun MABIMS merupakan suatu bentuk kesepakatan serantau yang bergerak atas dasar keagamaan bagi menjaga maslahat dan kepentingan umat Islam tanpa mencampuri hal-hal yang bersifat politik negara-negara anggota, tetapi kadangkala terdapat percanggahan pendapat dalam urusan penentuan awal bulan Islam, penentuan awal Ramadan dan awal Hari Raya.

Dalam urusan penentuan awal bulan Islam termasuk Ramadan dan Hari Raya, MABIMS telah bersepakat untuk mengguna pakai kriteria Imkanur Rukyah yang diubah suai bermula 1 Jun 1992 dengan syarat-syarat berikut yang perlu dipenuhi iaitu<sup>9</sup>:-

---

<sup>2</sup> Hashim Musa et.all. 30.

<sup>3</sup> Luqman Hj Abdullah and Nima Jihatea, "Bermazhab Dan Fanatik Mazhab: Satu Sorotan Dalam Kerangka Amalan Bermazhab Syafi'i Masyarakat Melayu," *Jurnal Fiqh* 4, no. 1 (2007): 103–18, <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol4no1.5>.

<sup>4</sup> Ishak Saat, "Melayu Raya," *EDUCATUM - Journal of Social Science* 1 (2015): 24–33.

<sup>5</sup> Ishak Saat, "Melayu Raya." 25

<sup>6</sup> Kenyataan ini adalah merujuk kepada dasar sesebuah negara yang membuat keputusan berdasarkan keputusan di dalam negara masing-masing.

<sup>7</sup> MABIMS atau nama penuhnya Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama; Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura adalah merupakan suatu bentuk kesepakatan serantau yang bergerak atas dasar keagamaan bagi menjaga maslahat dan kepentingan umat Islam tanpa mencampuri hal-hal yang bersifat politik negara-negara anggota. "MABIMS," accessed June 19, 2019, <http://www.mabims.gov.bn/SitePages/Pengenalan.aspx>.

<sup>8</sup> *Ibid.*

<sup>9</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Kompilasi Kertas Kerja Muzakarah Falak Peringkat Kebangsaan Jilid 1 Tahun 1999 & 2001*, 1st ed. (Seremban: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, 2020).

- Di ketika matahari terbenam, ketinggian hilal di atas ufuk tidak kurang dari 2° dan jarak lengkung 3° atau
- Di Ketika hilal terbenam, umur hilal tidak kurang dari 8 jam (selepas ijtimak berlaku)

Sehinggalah tahun 2021 MABIMS menggunakan syarat kriteria Imkanur al-rukyah yang lama ini. Kemudiannya tahun 2022 merupakan tahun pertama awal puasa beralih kepada syarat kenampakan Imkanur al-rukyah yang baru iaitu tinggi hilal 3° dan elongasi 6.4°. <sup>10</sup>

Walaupun terdapat kesepakatan dalam penentuan kriteria awal bulan, namun terdapat juga perbezaan pandangan dalam kalangan negara MABIMS. Oleh itu, kesepakatan dan perbezaan itu perlu diharmonikan supaya umat Islam tampak bersatu dalam kesatuan yang lebih utuh bukannya berpecah belah.

### Metodologi Kajian

Kajian Kajian ini merupakan kajian kepustakaan di mana sumber dan data terdiri daripada al-Quran dan Hadis serta kitab-kitab fiqh empat mazhab yang berkaitan tajuk kajian. bahan-bahan ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis dilakukan untuk mendapat kepastian berkaitan isu matla' dalam perbahasan fiqh yang sesuai terhadap konsep yang dibincangkan.

### Pengertian *Maṭla'*

Menurut kamus *al-ma'ānīy*,<sup>11</sup> dalam bahasa Arab perkataan *maṭla'* adalah berasal dari kalimah kata kerja *ṭala'a*. perkataan ini adalah berbentuk *ism* dan kata jamaknya ialah *al-maṭāli'*. Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) memberi pengertian daerah tempat terbit matahari, terbit fajar atau terbit bulan<sup>12</sup> manakala Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) masih lagi belum memberikan pengertian terhadap perkataan ini.

Sungguhpun perkataan *maṭla'* ini adalah dari kalimah bahasa Arab, tetapi ianya telah digunakan secara meluas dalam perbahasan ilmu falak meliputi perbahasan-perbahasan di dalam jurnal, buku, dan bahan-bahan bacaan lain di dalam bahasa Melayu khususnya dan di alam Melayu amnya. Terdapat beberapa takrifan berkaitan *maṭla'* yang digunakan pada waktu ini. Dalam Ensiklopedia Islam edisi kedua, Brill mendefinisikan *maṭla'* sebagai titik terbit objek-objek samawi seperti bintang pada garis ufuk tempatan.<sup>13</sup> Imron Rosyadi dalam prosiding yang dibentangnya memberi maksud batas geografi berlakunya cerapan atau rukyah.<sup>14</sup> Dalam erti

---

<sup>10</sup> Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, ed., *Anak Bulan Syawal: Monograf Penentuan Aidilfitri 1443/2022* (Kuala Lumpur: PersatuanJurufalak Syarie, 2022), 30.

<sup>11</sup> "Al-Maany.com," dicapai 27 May 2021, <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/المطلع/>.

<sup>12</sup> "Kamus Besar Bahasa Indonesia," dicapai 27 May 2021, <https://kbbi.web.id/matlak>.

<sup>13</sup> E.J Brills, "Al- Maṭla'," dicapai 28 May 2021, [https://referenceworks.brillonline.com/entries/encyclopaedia-of-islam-2/al-matla-SIM\\_5039?s.num=2&s.f.s2\\_parent=s.f.cluster.Encyclopaedia+of+Islam&s.q=matla](https://referenceworks.brillonline.com/entries/encyclopaedia-of-islam-2/al-matla-SIM_5039?s.num=2&s.f.s2_parent=s.f.cluster.Encyclopaedia+of+Islam&s.q=matla).

<sup>14</sup> Imron Rosyadi, "Matlak Global Dan Regional (Studi Tentang Keberlakuan Rukyah Menurut Fikih Dan Astronomi)," in *Conference Proceeding Annual International Conference of Islamic Studier XII*, 2515–2517, dicapai 22 April 2021, [http://digilib.uinsby.ac.id/7545/1/Buku\\_6\\_Fix\\_2.pdf](http://digilib.uinsby.ac.id/7545/1/Buku_6_Fix_2.pdf).

kata yang lain *maṭla'* ialah sempadan kawasan berdasarkan jangkauan keberhasilan mencerap hilal.<sup>15</sup>

### Konsep *Maṭla'*

Terdapat banyak tempat dalam negara kita untuk mencerap hilal. Jika cerapan di tempat tersebut nampak hilal, maka kenampakan itu akan dikira merangkumi suatu luas kawasan sehingga sempadan geografi sesuatu tempat yang boleh beramal dengan hilal yang dilihat tersebut. Kenampakan hilal itu akan ditentukan untuk sabitan hari raya, sabitan puasa dan memulakan hari baru 1 hb dalam pengiraan kalendar Islam. Sabitan itu diambil berdasarkan kaedah-kaedah yang disepakati berdasarkan konsep *maṭla'* yang dipersetujui seperti *masāfāt al-qaṣr*<sup>16</sup>, *wilāyatul hukmi*, *maṭla'* global dan *maṭla'* negara-negara MABIMS. Batasan dan sempadan sesebuah negara yang boleh berhari raya bersama-sama ini adalah seperti dalam riwayat hadis Kuraib yang terdapat di dalam Kitab Sahih Muslim, Bab *Bayān Anna Likulli Baladin Ru'yatihim*, no. Hadith 1819.

أَنَّ أُمَّ الْفَضْلِ بِنْتَ الْحَارِثِ بَعَثَتْهُ إِلَى مُعَاوِيَةَ بِالسَّامِ قَالَ فَقَدِمْتُ الشَّامَ فَقَضَيْتُ حَاجَتَهَا وَاسْتَهَلَّ عَلَيَّ رَمَضَانُ وَأَنَا بِالسَّامِ فَرَأَيْتُ الْهِلَالَ لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ ثُمَّ قَدِمْتُ الْمَدِينَةَ فِي آخِرِ الشَّهْرِ فَسَأَلَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا ثُمَّ ذَكَرَ الْهِلَالَ فَقَالَ مَتَى رَأَيْتُمُ الْهِلَالَ فَقُلْتُ رَأَيْنَاهُ لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ فَقَالَ أَنْتَ رَأَيْتَهُ فَقُلْتُ نَعَمْ وَرَأَاهُ النَّاسُ وَصَامُوا وَصَامَ مُعَاوِيَةُ فَقَالَ لَكِنَّا رَأَيْنَاهُ لَيْلَةَ السَّبْتِ فَلَا نَزَالُ نَصُومُ حَتَّى نُكْمَلَ ثَلَاثِينَ أَوْ نَرَاهُ فَقُلْتُ أَوْ لَا تَكْتَفِي بِرُؤْيَا مُعَاوِيَةَ وَصِيَامِهِ فَقَالَ لَا هَكَذَا أَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Terjemahan: "Bahawa Ummu al-Fadhl binti al-Harith telah mengutusnyanya (Kuraib) kepada Muawiyah di Syam. Kuraib berkata: Aku telah sampai di Syam lalu aku selesaikan perkara yang ditugaskan oleh Ummu al-Fadhl. Semasa aku berada di Syam, Bulan Ramadan baru hendak masuk. Justeru aku melihat anak bulan pada malam Jumaat, kemudian aku pulang dan sampai di Madinah pada akhir bulan. Maka Abdullah bin Abbas R.A. mengingatkan aku tentang anak bulan lalu beliau bertanya kepadaku "Bila kamu (bersama penduduk Syam) melihat anak bulan?". Aku menjawab: "Kami telah melihatnya pada malam Jumaat". Ibn Abbas bertanya lagi: "Adakah engkau pun melihatnya?" Aku menjawab: "Ya, dan ia juga dilihat oleh ramai orang di sana. Mereka telah berpuasa termasuk Muawiyah". Lalu Ibn Abbas berkata: "Tetapi kami telah melihatnya pada malam Sabtu, oleh itu kami tidak berpuasa sehingga kami sempurnakan tiga puluh hari atau kami melihat sendiri anak bulan Syawal itu" Aku pun bertanya: "Tidakkah memadai dengan rukyah Muawiyah dan puasanya?" Ibn Abbas menjawab: "Tidak, demikianlah apa yang diperintahkan oleh Rasulullah SAW."

<sup>15</sup> *Ibid.*

<sup>16</sup> Adalah merujuk kepada kepada maksud 2 marhalah yang biasa digunakan oleh fuqaha berasaskan jarak 4 burud yang disebut dalam hadis, 2 marhalah = 4 burud.

## Pembahagian *Maṭla'*

Dalam menghuraikan maksud ini, pengkaji telah membahagikan *maṭla'* kepada empat bahagian untuk dihuraikan:

### 1. *Maṭla'* Masāfāt al-Qaṣr

Pandangan ini diutarakan oleh beberapa ulama dalam Mazhab Shafi'i antaranya al-Nawāwī<sup>17</sup>, Ibn al-Mulqin<sup>18</sup>, al-Khatib al-Syarbainī<sup>19</sup> sebagai satu kawasan jauh yang boleh mengqasarkan solat<sup>20</sup>. Sekiranya terlihat hilal pada suatu tempat, maka parameter hilal tersebut boleh menjangkau sehingga jarak yang dibenarkan qasar solat.

### 2. *Maṭla'* Wilayatul Hukmi

Di Malaysia, istilah ini jarang digunakan. Tetapi di Indonesia, banyak penulisan berkaitan kalendar atau kriteria hilal akan menggunakan istilah ini merujuk kepada satu kawasan pemerintahan yang luas. *maṭla'* jenis ini adalah merujuk kepada wilayah yang menggunakan sama ada kaedah hisab atau rukyah dan hasil daripada kedua-dua aktiviti tersebut digunakan sepenuhnya untuk seluruh negara atau pemerintahan<sup>21</sup>. Ruskanda ketika memberi komentar dalam bukunya tentang masalah ini menyatakan sejauh mana pun rukyah dilakukan dalam mana-mana bahagian Indonesia, maka hasilnya dianggap berlaku dalam seluruh Indonesia<sup>22</sup>.

### 3. *Maṭla'* Global

Pendekatan *maṭla'* global adalah suatu kaedah keseragaman memulakan tarikh 1hb Hijri pada hari yang sama di seluruh dunia. Pendekatan *maṭla'* jenis ini adalah lambang kesatuan umat Islam di seluruh dunia<sup>23</sup>. Hal ini kerana terdapat perintah dari Nabi SAW yang bersifat umum untuk keseluruhan umat Islam yang melihat anak bulan tidak kira di mana sahaja negara atau tempat yang dilihatnya<sup>24</sup>, iaitu:- Daripada Abi Hurairah RA, Nabi SAW bersabda:

صُومُوا لِرُؤْيَيْتِهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤْيَيْتِهِ

<sup>17</sup> al-Nawāwī, "Kitāb Minhāj al-Ṭālibīn Wa 'Umdat al-Muṭtīyīn fi al-Fiqh," dicapai 4 Januari 2022, <https://shamela.ws/book/12096/87>.

<sup>18</sup> Ibn al-Mulqin, "Kitāb 'Ajālatu Al-Muḥtāj Ila Taujīh Al-Minhāj," dicapai 4 Januari 2022, <https://shamela.ws/book/20561/516>.

<sup>19</sup> al-Khatib al-Syarbainī, "Kitāb Mughnī Al-Muḥtāj Ila Makrifati Maānī Alfāz al-Minhāj," dicapai 4 Januari 2022, <https://shamela.ws/book/11444/672>.

<sup>20</sup> Di Malaysia khususnya di Negeri Selangor, terdapat fatwa yang menetapkan kadar 2 Marhalah adalah tidak kurang daripada 81 kilometer. Rujuk Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, "Pandangan Hukum Syarak; Penentuan Kadar Dua Marhalah, Qaryah Dan Balad Dari Perspektif Fiqh Semasa 2021," dicapai 5 Januari 2022, <https://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-personalisation/fatwa-tahunan/keputusan-fatwa-xwarta/2016/1138-pandangan-hukum-syarak-penentuan-kadar-dua-marhalah-qaryah-dan-balad-dari-perspektif-fiqh-semasa>.

<sup>21</sup> Nugroho Eko Atmanto, "Implementasi Matlak Wilayahul Hukmi Dalam Penentuan Awal Bulan Kamariah (Perspektif Nahdlatul Ulama Dan Muhammadiyah)," *Elfalaky: Jurnal Ilmu Falak* 1, no. 1 (2017): 45–60.

<sup>22</sup> S.Farid Ruskanda et.all, *Rukyah Dengan Teknologi: Upaya Mencari Kesamaan Pandangan Tentang Penentuan Awal Ramadhan Dan Syawal*, cet. 1 (Jakarta: Gema Insani Press, 1994).17

<sup>23</sup> Meri Fitri Yanti, "Pendapat Empat Mazhab Tentang Mathla' Dalam Penentuan Awal Bulan Hijriah" (Institut Agama Islam Negeri Raden Intan, 2017), [http://repository.radenintan.ac.id/476/1/Skripsi\\_pdf\\_TT.pdf](http://repository.radenintan.ac.id/476/1/Skripsi_pdf_TT.pdf).

<sup>24</sup> al-Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, cet. 5 (Beirut: Dar al-Fikr Li Attiba'ah Wa al Nasyr Wa al Tauziq, 1971).368

Terjemahan: “*Berpuasalah kamu dengan sebab melihat anak bulan, dan berhari rayalah kamu dengan sebab melihat anak bulan*”.

Walaupun terdapat *khitab* umum tersebut, sebaliknya Ikrimah, Qasim bin Muhammad, Salim, Ishaq, pendapat yang sahih di sisi Imam Abu Hanifah dan pendapat terpilih dari Mazhab Imam Shafi'i berhujah mengatakan walaupun penduduk dalam negara masing-masing harus melihat hilal, tetapi mereka tidak diwajibkan untuk berpuasa apabila rakyat negara lain melihatnya<sup>25</sup>. Hal ini kerana terdapat riwayat hadis dari Kuraib seperti yang dibincangkan sebelum ini.

#### 4. *Maṭla'* Serantau (*Maṭla'* MABIMS)<sup>26</sup>

*Maṭla'* serantau adalah *maṭla'* untuk negara-negara yang berada dalam lingkungan negara-negara ASEAN yang berdekatan garisan khatulistiwa. Kebanyakan penulis di Indonesia menggunakan istilah *maṭla' regional*. Thomas Tjamaludin dalam penulisannya juga membawa konsep *maṭla'* MABIMS adalah merujuk kepada *maṭla' regional*<sup>27</sup>. *maṭla'* MABIMS mempunyai kriteria tersendiri<sup>28</sup> dalam mencerap anak bulan. *maṭla'* ini boleh diaplikasi dalam kawasan serantau kerana mempunyai iklim yang sama seperti yang akan dihuraikan dalam pandangan Mazhab Imam Shafi'i nanti.

#### Pandangan Mazhab Tentang *Maṭla'*

##### Pandangan Dalam Mazhab Shafi'i

Pendapat ini pada awalnya menunjukkan golongan salaf bersepakat terhadap pandangan ini, tetapi ianya menjadi khilāf selepas Imam al-Nawāwī menterjemahkan pandangan ini dalam syarahnya di dalam kitab Sahih Muslim pada *Bāb Bayān Anna Likulli Baladin Ru'yatuhum, Wa Annahum Idha Ra'au al-Hilāl Bibaladin La Yathbutu Ḥukmuha Lima Ba'uda 'Anhum*<sup>29</sup>. Imam al-Nawāwī berkata Hadis Kuraib daripada Ibnu'Abbas ini adalah dalil yang menunjukkan makna zahir untuk diterjemahkannya. Pendapat sahih dalam kalangan Mazhab kami iaitu Mazhab al-Shāfi'i bahawa rukyah itu bukanlah meliputi kesemua manusia, tetapi dikhususkan kepada tempat yang dekat dengan kadar perjalanan yang tidak boleh mengqasarkan solat. Beliau menambah lagi mereka semua dalam radius itu mestilah bersepakat terhadap *maṭla'* tersebut dan sepakat menerima rukyah dalam iklim yang sama. Selain dari kawasan iklim yang sama adalah tidak dibenarkan. Sebahagian pandangan dalam Mazhab al-Shāfi'i juga berpendapat hukum penerimaan umum rukyah kepada keseluruhan penduduk sesuatu negeri dalam masalah ini bukanlah kerana *Ibnu'Abbas* tidak mahu beramal dengan

<sup>25</sup> *Ibid.* 368

<sup>26</sup> Merujuk kepada kesepakatan negara menggunakan Kriteria Imkanur Rukyah (2,3,8) dan terbaru Kriteria Imkanur Rukyah (3, 6.4).

<sup>27</sup> T. Djamaluddin, “Unifikasi Kalender Islam Nasional, Regional, Dan Global Mudah, Asal Mau Bersepakat,” *ogos*, 2012, <https://tdjamaluddin.wordpress.com/2012/08/01/unifikasi-kalender-islam-nasional-regional-dan-global-mudah-asal-mau-bersepakat/>.

<sup>28</sup> Sungguhpun MABIMS mempunyai kriteria tersendiri, tetapi negara-negara serantau tidak terikat dengan kriteria tersebut. Susiknan Azhari dalam penulisannya di ruangan opini menyatakan ianya digunakan sebagai pengawal perundangan dan kesepakatan yang dihasilkan MABIMS. Susiknan Azhari, “Neo-Visibilitas Hilal MABIMS,” *Opini*, 2022, [https://www.republika.id/posts/25415/neo-visibilitas-hilal-mabims?fbclid=IwAR2iEAlbDA-RfdwObY-D-cf3vHdFJHOvenY2Qglx73EU5VUFVybO05fk\\_dg](https://www.republika.id/posts/25415/neo-visibilitas-hilal-mabims?fbclid=IwAR2iEAlbDA-RfdwObY-D-cf3vHdFJHOvenY2Qglx73EU5VUFVybO05fk_dg).

<sup>29</sup> Ahmad bin Ḥamad Al-Khalīlī, *Ikhtilāf Al-Maṭālīf Wa'ātharuhū 'Alā Ikhtilāf al-Aḥillah* (Oman: Maktabah al-Iftā', n.d.). 23

khabar Kuraib ini, tetapi mereka menolaknya kerana rukyah itu tidak disabitkan hukumnya pada orang-orang yang kejauhan<sup>30</sup>.

Imam al-Nawāwī menambah lagi pandangannya dalam kitab *Majmū' Syarḥ al Muḥadzab*<sup>31</sup> sekiranya anak bulan kelihatan dalam suatu negeri, dan negeri yang satu lagi tidak kelihatan maka hukumnya adalah berpuasa serentak jika negeri-negeri tersebut berada berdekatan. Jadi hukum tersebut adalah seperti satu negeri sahaja. Oleh itu lazimlah kesemua penduduk bagi kawasan itu berpuasa bersama-sama tanpa khilāf. Jika berada berjauhan pula, terdapat dua pendapat dalam masalah ini. Pertama yang lebih *aṣaḥ* ialah tidak wajib berpuasa bagi negeri yang lain. Pendapat ini dikemukakan oleh pengarang ṣāhib al-Muḥadzab Imām Syīrādhī<sup>32</sup>, Syeikh Abu Hamid<sup>33</sup> dan al-Bandanījī dan beberapa fuqahā' yang lain. Pendapat ini juga ditashihkan oleh al-'Abdari dan al-Rāfi'ī. Kedua, wajib berpuasa atas negeri yang lain itu. Pendapat ini dikemukakan oleh al-Ṣaimīrī dan disahkan oleh Qadhi Abū-Ṭayyib, al-Dārimī dan Abū 'Ali al-Sanji dan lain-lain lagi.

### **Pandangan Mazhab Selain Shafii**

Syeikh Ibrāhīm bin Muḥammad al-Sāsi dalam bukunya *al-Usul al-Ḥasān lima Bihi Thubuth Ṣaum Ramaḍhān* mengungkapkan bahawa suatu perkara yang telah terang dan tiada sembunyi lagi dalam kalangan *Mālikiyah*, *Hanāfiyah* dan *Hanābilah* dalam perbahasan fiqh mengenai isu *maṭla'* adalah tidak mengira perbezaan *maṭla'* di sisi mereka kecuali negara itu betul-betul jauh dan jelas kejauhannya seperti Khurasan dan Andalus<sup>34</sup>. Pendapat ini selari dengan penulisan Abī 'Abdullāh Muḥammad bin 'Abd al-Rahmān al-Dimashqī dalam bukunya, *Raḥmah al-A'immaḥ Fī Ihtilāf Al-Ummaḥ* yang menyatakan sekiranya anak bulan kelihatan dalam sesebuah negeri yang mencerap hilal, maka wajiblah berpuasa ke atas seluruh ahli dunia<sup>35</sup>. Kesepakatan pendapat ini menunjukkan kalangan Imam mazhab menyetujui semua penduduk dunia terlibat dalam permulaan puasa tersebut.

### **Pandangan Para Fuqahā'**

Para *fuqahā'* telah bersepakat bahawa kewajipan berpuasa dalam bulan Ramadan adalah dengan melihat anak bulan berdasarkan ayat al-quran<sup>36</sup> (al-Baqarah: 185) (( *فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ* )) yang bermaksud "Maka sesiapa di antara kamu yang menyaksikan bulan itu, maka hendaklah dia berpuasa" dan hadis Nabi SAW iaitu (( *صوموا لرؤيته، وأفطروا لرؤيته* )) yang bermaksud

<sup>30</sup> *Ibid.*, 23

<sup>31</sup> Muhammad Idris Abd al-Rauf al-Marbawiy, *Bahr Al-Mazi Syarah Bagi Mukhtasar Sahih Al-Tirmizi*, j. 5 (Mesir: Matbaah Mustafa Thani wa Awladuhu, 1934), 11

<sup>32</sup> Abu Ishāq Ibrāhīm bin 'Ali bin Yūsuf al-Syīrādhī, *Al-Muḥadzab Fi Fiqh Al-Imām Al-Syāfi'i*, j. 1 (Dar al-Kutub al-Ilmiyah, n.d.), <https://shamela.ws/book/11813/371.h.329>

<sup>33</sup> Beliau ialah Abu Hamid al-Isfarayaini. Nama sebenar beliau ialah Ahmad bin Muhammad bin Ahmad. Ali Jum'ah Muhammad, *Al-Madkhal Ilā Dirāsah Al-Mazāhib Al-Fiqhiyah*, c. 4 (Kaherah: Dār al-Salām, 2012), 61

<sup>34</sup> Ibrāhīm bin Muḥammad al-Sāsi bin 'Amir al-Sūfi, *Al-Usul Al-Ḥasān Lima Bihi Thubuth Ṣaum Ramaḍhān*, ed. Yasin bin Muhammad Bahi (Algeria: Laboratory of Doctrinal and Judicial Studies University of Eloud, 2021), 107

<sup>35</sup> Abī 'Abdullāh Muḥammad bin 'Abd al-Rahmān al-Dimashqī, *Raḥmah Al-A'immaḥ Fī Ihtilāf Al-Ummaḥ* (Beirut: Dār al-Fikr Li Attibā'ah Wa al-Nasyr Wa al-Tauzīq, 2005), 68

<sup>36</sup> Muwāfiqī al-Amīn, "Al-Ikhtiyārat al-Fiqhiyyah Li al-Syeikh al-Mubārakfūrī Kitāb al-Ṣiyām Wa al-I'ktikāf" (Jāmi'ah al-Islāmiyah bi al-Madīnah al-Munawwarah, n.d.), <https://shamela.ws/book/133371/71#p1>.

"Berpuasalah kamu apabila melihatnya (anak bulan), dan berbukalah kamu apabila melihatnya (anak bulan)". Sungguhpun begitu, terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan mereka dalam menentukan kenampakan anak bulan di dalam sesebuah negeri sedangkan negeri yang lain tidak kelihatan. Dalam menjelaskan perkara ini, pengkaji menyenaraikan empat *qaul* terpilih dalam perbahasan ini.

### 1. *Qaul* Pertama – Boleh Memilih Sama ada Hendak Mengikut *Maṭla'* Yang Sama atau Tidak

Apabila anak bulan dilihat di satu tempat, wajib berpuasa bagi mereka yang berdekatan dengan tempat tersebut sebaliknya bagi yang berjauhan tidak diwajibkan. Ini merupakan pendapat jumhur dalam Mazhab Shāfi'i, dan juga pendapat dalam kalangan mazhab Hanbali, serta dipegang oleh beberapa ahli mazhab *Hanafī* dan Maliki. Terdapat keterangan yang menyokong pandangan mereka seperti yang dibawakan di bawah ini.

Mazhab Shāfi'i seperti terdapat dalam kitab *al-Majmū'*<sup>37</sup> iaitu:-

إِذَا رَأُوا الْهَلَالَ فِي رَمَضَانَ فِي بَلَدٍ وَلَمْ يَرَوْهُ فِي غَيْرِهِ فَإِنْ تَقَارَبَ الْبُلْدَانُ فَحُكْمُهُمَا  
حُكْمُ بَلَدٍ وَاحِدٍ وَيَلْزَمُ أَهْلَ الْبَلَدِ الْآخَرَ الصَّوْمُ بِإِلَّا خِلَافٍ وَإِنْ تَبَاعَدَا فَوَجْهَانِ  
مَشْهُورَانِ فِي الطَّرِيقَتَيْنِ (أَصْحُهُمَا) لَا يَجِبُ الصَّوْمُ عَلَى أَهْلِ الْبَلَدِ الْآخَرِ

*Terjemahan: Apabila telah kelihatan anak bulan Ramadan dalam satu negeri dan tidak kelihatan pada negeri lain walaupun kedua-dua negeri berada berdekatan. Maka dihukumkan keduanya dengan satu hukum sahaja iaitu wajib negeri yang satu lagi berpuasa tanpa khilaf. Sekiranya berada berjauhan maka di sana terdapat dua wajah yang masyhur. Paling asah antara keduanya ialah tidak wajib berpuasa bagi negeri yang satu lagi.*

Pandangan Mazhab Hanbali dalam *al-Inṣāf*<sup>38</sup>:-

وَإِذَا رَأَى الْهَلَالَ أَهْلُ بَلَدٍ، لَزِمَ النَّاسَ كُلَّهُمُ الصَّوْمُ. لَا خِلَافَ فِي لُزُومِ الصَّوْمِ عَلَى  
مَنْ رَأَاهُ، وَأَمَّا مَنْ لَمْ يَرَهُ، إِنْ كَانَتْ الْمَطَالِعُ مُتَّفِقَةً، لَزِمَهُمُ الصَّوْمُ أَيْضًا، وَإِنْ  
اِخْتَلَفَتِ الْمَطَالِعُ، فَالصَّحِيحُ مِنَ الْمَذْهَبِ، لُزُومُ الصَّوْمِ أَيْضًا وَقِيلَ: تَلَزَمُ مَنْ  
قَارَبَ مَطْلَعَهُمْ. اخْتَارَهُ شَيْخُنَا، يَعْنِي بِهِ الشَّيْخُ تَقِيُّ الدِّينِ. وَقَالَ فِي «الْفُرُوعِ»:  
وَقَالَ شَيْخُنَا، يَعْنِي بِهِ الشَّيْخُ تَقِيُّ الدِّينِ: تَخْتَلِفُ الْمَطَالِعُ بِاتِّفَاقِ أَهْلِ الْمَعْرِفَةِ؛  
فَإِنْ اتَّفَقَتْ لَزِمَ الصَّوْمُ، وَإِلَّا فَلَا

*Terjemahan: "Apabila kelihatan anak bulan oleh penduduk setempat, maka wajiblah atas kesemua penduduknya berpuasa. Tiada khilaf bagi penduduk yang melihatnya. Tetapi bagi penduduk yang tidak nampak, sekiranya matla'nya sama, maka wajiblah berpuasa. Sekiranya berbeza matla'nya yang sah di sisi mazhab ialah berpuasa juga. Dan berkata lagi "wajib berpuasa bagi*

<sup>37</sup> Abū Zakariyā Maḥyī al-Dīn bin Syaraf al-Nawāwī, *Al-Majmū' Syarḥ Al-Muhazzab*, ed. Lujnah Min al-Ulamā' (Qāhirah: Idārah al-Ṭaba'ah al-Muniriyyah, 1344H-1347H.), 6:273

<sup>38</sup> Ala'uddīn Abū al-Ḥasan 'Alī bin Sulaimān bin Aḥmad al-Mardawī, *Al-Inṣāf Fī Ma'rifah Al-Rājiḥ Min Al-Khilāf*, ed. Dr 'Abdullāh bin Abd al-Muhsin al-Turkī, j. 1 (Qāhirah: Hijr li al-Ṭaba'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzīq wa al-ʿIlān, 1995), 335-336



*siapa yang dekat matla'nya. Inilah yang dipilih oleh Syeikh kami iaitu al-Syeikh Taqīuddīn. Dan berkata lagi dalam al-furūq. Berkata Syeikh kami iaitu Syeikh Taqīuddīn: Perbezaan matla' adalah dengan kesepakatan ahli ilmu. Sekiranya bersepat maka wajiblah berpuasa, sekiranya tidak bersepat maka tidak perlu berpuasa"*

Pandangan Mazhab *Ḥanafī* dalam kitab *Tabyīn Al-Haqā'iq*<sup>39</sup>

قَالَ - رَحِمَهُ اللَّهُ - (وَلَا عِبْرَةَ بِاخْتِلَافِ الْمَطَالِعِ) وَقِيلَ يُعْتَبَرُ وَمَعْنَاهُ أَنَّهُ إِذَا رَأَى  
الهِلَالَ أَهْلُ بَلَدٍ وَلَمْ يَرَهُ أَهْلُ بَلَدَةٍ أُخْرَى يَجِبُ أَنْ يَصُومُوا بِرُؤْيَا أَوْلَيْكَ كَيْفَمَا  
كَانَ عَلَى قَوْلٍ مَنْ قَالَ لَا عِبْرَةَ بِاخْتِلَافِ الْمَطَالِعِ وَعَلَى قَوْلٍ مَنْ اِعْتَبَرَهُ يُنْظَرُ فَإِنْ  
كَانَ بَيْنَهُمَا تَقَارُبٌ بِحَيْثُ لَا تَخْتَلِفُ الْمَطَالِعُ يَجِبُ وَإِنْ كَانَ بَحْثٌ تَخْتَلِفُ لَا  
يَجِبُ وَأَكْثَرُ الْمَشَايخِ عَلَى أَنَّهُ لَا يُعْتَبَرُ حَتَّى إِذَا صَامَ أَهْلُ بَلَدَةٍ ثَلَاثِينَ يَوْمًا وَأَهْلُ  
بَلَدَةٍ أُخْرَى تِسْعَةً وَعِشْرِينَ يَوْمًا يَجِبُ عَلَيْهِمْ قَضَاءُ يَوْمٍ وَالْأَشْبَهُ أَنْ يُعْتَبَرَ لِأَنَّ  
كُلَّ قَوْمٍ مُخَاطَبُونَ بِمَا عِنْدَهُمْ وَإِنْفِصَالُ الْهِلَالِ عَنِ شُعَاعِ الشَّمْسِ يَخْتَلِفُ  
بِاخْتِلَافِ الْأَقْفَارِ

Terjemahan: "Dan tidak ada perbezaan matla' manakala sebahagian yang lain mengatakan ada. Maknanya jika kelihatan anak bulan oleh penduduk dari satu negeri dan penduduk dari negeri lain belum melihatnya, wajib berpuasa kesemua mereka dengan cerapan penduduk yang melihat itu dalam apa jua cara sekalipun. Demikianlah pendapat bagi sesiapa yang mengatakan tiada perbezaan matla'. Bagi orang yang berpegang terdapat perbezaan matla', maka hendaklah melihat sekiranya kedua-dua negeri itu berdekatan dan tiada perbezaan matla' maka kesemuanya wajib berpuasa. Tetapi sekiranya berbeza matla'nya maka tidak perlu berpuasa. Sehingga kebanyakan syeikh mengatakan tidak dikira pun sehinggalah jika terdapat penduduk suatu negeri itu berpuasa selama tiga puluh hari dan penduduk negeri yang lain berpuasa selama dua puluh sembilan hari, maka wajib qadha satu hari atau seumpamanya. Perlu dipertimbangkan kerana setiap orang telah diperintahkan dengan suatu taklif terhadap mereka. Justeru, pemisahan anak bulan dari pancaran matahari berbeza-beza mengikut tempat yang berbeza."

Pandangan Mazhab *Maliki* dalam kitab *al-Tamhīd*<sup>40</sup> :-

Ibn 'Abd Barr telah menyebut dalam kitabnya terdapat sebahagian ulama berpegang kepada perbezaan matla' manakala sebahagian lagi tidak berpegang kepada perbezaan matla'. Kemudian dinukilkan dari kitabnya:-

<sup>39</sup> Uthmān bin 'Alī al-Zaila'iy al-Ḥanafī, *Tabyīn Al-Haqā'iq Syarḥ Kanz Al-Dakhā'iq Wa Ḥāsyiah Al-Syilbī*, j. 1 (Qāhīrah: al-Matba'ah al-Kubra al-Amiriyah, 1314), 321.

<sup>40</sup> Abū 'Umar bin 'Abd al-Barr al-Namari al-Qurṭūbī, *Al-Tamhīd Limā Fī Al-Muwatta' Min Al-Ma'āni Wa Al-Masānīd Fī Hadīth Rasul Allāh - Salla Allāh 'Alaihi Wa Sallam*, ed. Ḥasan Abd al-Mun'īn Syilbī dan Muḥammad Basyār 'Awād, j. 9 (London: Mu'assasah al-Furqān Litturāth al-Islāmī, 2017), 246.

قال أبو عمر: إلى القولِ الأوَّلِ أذهبُ؛ لأنَّ فيه أثرًا مرفوعًا، وهو حديث حسنٌ تلمَّ به الحجَّةُ، وهو قولٌ صاحبٍ كبيرٍ، لا مخالِفَ له، وقال فيه طائفةٌ من فقهاءِ التابعين، ومع هذا، إنَّ النَّظَرَ يدلُّ عليه

و قال ايضا : وقولُ ابنِ عَبَّاسٍ عِنْدِي صَحِيحٌ فِي هَذَا الْبَابِ، وَاللَّهِ الْمُؤَفَّقُ لِلصَّوَابِ<sup>41</sup>

Terjemahan: “Telah berkata Abū ‘Umar<sup>42</sup> pandangan pertama lebih diambil, kerana ia merupakan suatu āthār yang marfū‘, merupakan hadis yang baik yang merangkumi hujah, dan merupakan pendapat sahabat besar dan sahabat-sahabat lain tidak berselisih dengannya. Dan pandangan sebahagian dari Fuqahā’ dan Tābi‘īn. Demikianlah pandanganku menunjukkan pendapat ini”.

Dan berkata lagi: “Pandangan Ibn ‘Abbās ini bagiku sah dalam bab ini”.

## 2. Qaul Kedua- Berpuasa Kesemuanya Tanpa Melihat Kepada Matla’

Apabila anak bulan kelihatan dalam sesuatu negeri, maka lazimlah keseluruhan negeri itu beramal dengan ru’yah, dan berpuasa dengannya. Pendapat ini adalah pandangan dari *Hanafiah* dan *Hanābilah*. Pandangan ini juga dipilih oleh *al-Laith bin Sā’id* seperti katanya<sup>43</sup>

إذا رُئِيَ الْهَلَالُ فِي بَلَدٍ لَزِمَ جَمِيعَ الْبِلَادِ الْعَمَلُ بِهَذِهِ الرَّؤْيَةِ، وَالصِّيَامُ بِمَوْجِبِهَا

Terjemahan: “Apabila anak bulan kelihatan dalam sesebuah negeri, maka maka lazimlah keseluruhan negeri itu beramal dengan ru’yah, dan berpuasa dengannya”

Mazhab *Hanafī* berpandangan Apabila anak bulan telah kelihatan di Mesir maka hendaklah sekalian manusia berpuasa, *zāhir* mazhab membenarkan ru’yah penduduk di sebelah barat terhadap penduduk di sebelah timur.<sup>44</sup> Terdapat teks dalam kitab *Fatḥ al-Qadīr ‘alā al-Hidāyah* yang dikarang oleh *Ibn al-Hammam al-Hanāfī* iaitu<sup>45</sup>

وَإِذَا ثَبَتَ فِي مِصْرَ لَزِمَ سَائِرَ النَّاسِ فَيَلْزِمُ أَهْلَ الْمَشْرِقِ بِرُؤْيَةِ أَهْلِ الْمَغْرِبِ فِي ظَاهِرِ الْمَذْهَبِ

<sup>41</sup> Ibid., 247

<sup>42</sup> Nama penuh beliau ialah Abū ‘Umar Yūsuf bin Abdullah bin Muhammad bin ‘Abd al-Barr bin ‘Ashim al-Namari al-Qurṭūbī.

<sup>43</sup> Muwaffiq al-Dīn Abū Muḥammad ‘Abdullāh bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah al-Maqdisī al-Hanbalī, *Al-Mughnī Li Ibnī Al-Qudāmah*, ed. ‘Abdullāh bin ‘Abd al Muḥsin al-Turkīy, e. 3, (Riyāḍh, Mamlakah ‘Arabiyah al-Su‘ūdiyyah: Dār al-‘Alim al-Kutub Littaba‘ah wa al-Nasyru wa al-Tauzīq, 1997). 4: 328.

<sup>44</sup> al-Imām Kamāl al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Wāḥid al-Sīwāsī al-Sakandarī, *Fatḥ Al-Qadīr ‘alā Al-Hidāyah*, ed. Syamsu al-Din Ahmad, (Miṣr: Syarikah Maktabah wa Matba‘ah Masfā al-Bābi al-Halabī, 1970), 2:313

<sup>45</sup> Ibid., al-Imām Kamāl al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Wāḥid al-Sīwāsī al-Sakandarī, *Fatḥ Al-Qadīr ‘alā Al-Hidāyah*. 313

Terjemahan: “Apabila anak bulan telah kelihatan di Mesir maka hendaklah sekalian manusia berpuasa, maka penduduk di sebelah timur boleh mengikut ru’yah penduduk di sebelah barat menurut sisi zahir mazhab”

Pendapat ini juga dipegang sebagai paling *rājih* dan *mu’tamad* dalam mazhab *Hanafī* menurut pendapat *Ibn al-‘Abidīn*.<sup>46</sup>

Dalam Mazhab Hanbali pula, terdapat pandangan dalam kitab *al-Mughnī li Ibnī al-Qudāmah* yang merupakan pandangan terpilih dalam Mazhab Hanbali. Pandangan ini juga dipegang oleh sebahagian *aṣḥāb al-Shāfi‘ī*.<sup>47</sup> Dalam kitab *al-Inṣāf* telah disebutkan sebelum ini bahawa bagi yang nampak atau pun tidak nampak anak bulan, maka hendaklah berpuasa kesemuanya. Di samping sebahagian *aṣḥāb al-Shāfi‘ī* yang perpegang dengan pendapat ini, ia juga dipegang oleh sebahagian *Mālikiyyah* yang berpendapat seperti yang dinukilkan di dalam kitab *al-Masālik fi Syarḥ al-Muwatṭa’ Mālik*<sup>48</sup> iaitu:-

وإذا رأى أهل البصرة هلال رمضان، ثم بلغ ذلك أهل الكوفة والمدينة واليمن،  
فألذني رواه ابن القاسم وابن وهب في "المجموعة" لزمهم الصيام أو القضاء إن  
فات الأداء

Terjemahan: Apabila ahli Basrah nampak anak bulan Ramadan, kemudian perkhabaran tersebut sampai kepada ahli Kufah, Madinah dan Yaman seperti yang diriwayatkan oleh Ibn Qāsim dan Ibn Wahāb dalam (*al-Majmuah*) maka hendaklah berpuasa kesemuanya atau mengganti sekiranya telah luput untuk ditunaikan.

Sebahagian *Aṣḥāb al-Shāfi‘ī* yang memegang pendapat ini ialah *al-Qadhī Abū Ṭayyib* dan *al-Rūyānī*.<sup>49</sup>

Hal ini kerana bagi pandangan mereka, terdapat ayat al-Quran, Hadis serta perbahasan akal yang dijadikan hujah serta sandaran utama dalam mengistinbatkan hukum ini.

**i. Dalil al-Quran - Firman Allah SWT:-**

فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ

Terjemahan: “Maka sesiapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan itu, hendaklah dia berpuasa padanya”

Al-Baqarah: 185

<sup>46</sup> Wizārah al-Auqāf wa al-syu‘ūn al-Islāmiyah, *Al-Mausū‘ah Al-Fiqhiyah Al-Kuwaitiyah*, c. 2, j.22 (Kuwait: Dār al-Salāsīl, 1467H). 36.

<sup>47</sup> *Ibid.*, 328

<sup>48</sup> al-Qādhī Muḥammad bin ‘Abdullah Abū Bakr bin al-‘Arabi al-Māliki, *Al-Masālik Fi Syarḥ Al-Muwatṭa’ Mālik*, ed. Muḥammad bin al-Husain al-Sulaimānī dan A’isyah binti al-Husain al-Sulaimānī, (Dār al-‘Arab al-Islāmī, 2007), 4:155.

<sup>49</sup> Abu al-Fadhī Zain al-Dīn ‘Abd al-Rahīm bin al-Ḥusain bin ‘Abd Raḥmān bin Abī Bakr bin Ibrāhīm al-‘Irāqī, “Ṭarḥ Al-Tathrīb Fi Syarḥ Al-Taqrīb (Al-Maqṣūd Bittaqrīb: Taqrīb Al-Asānīd Wa Tartīb Al-Masānīd),” accessed February 19, 2024, <https://shamela.ws/book/11036>.

Ayat ini menjadi dalil kewajipan berpuasa apabila dibuktikan permulaan bulan. Jika dibuktikan kelihatan anak bulan di sesebuah negara, maka setiap orang wajib mematuhi, dan kesimpulan ini diambil seperti berikut: Ayat ini umum, dan maknanya - seperti yang dikatakan oleh al-Ṭabarī ialah, “sesiapa yang bulan Ramadan telah masuk kepadanya, dan dia tinggal di rumahnya maka dia wajib berpuasa sepanjang bulan”.<sup>50</sup>

## ii. Dalil al-Hadith

عن أبي هريرة: أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: صُومُوا لِرُؤُوسِهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤُوسِهِ ، فَإِنْ غُمِّي عَلَيْكُمُ الشَّهْرُ فَعِدُّوا ثَلَاثِينَ<sup>51</sup>

Dari Abu Hurairah R.A bahawa Nabi S.A.W bersabda: ((Berpuasalah kamu apabila kamu melihatnya (anak bulan) dan berbukalah apabila kamu melihatnya (anak bulan); jika bulan itu terlindung bagi kamu, maka hitunglah. tiga puluh hari)), dan dinyatakan dalam *Kashāf Al-Qinā: Khitāb* ini adalah kepada seluruh umat manusia semuanya<sup>52</sup>, kerana hakikat anak bulan yang sebenarnya adalah antara dua bulan. Jadi apabila anak bulan telah disahkan di sesebuah negara, adalah perlu bagi semua negara menerima pakai kesahan tersebut. Oleh itu kesimpulan ini diambil bahawa *khitāb* itu ditujukan kepada penduduk setiap negara, apabila telah disahkan di sesebuah negara, maka setiap penduduk di negara itu wajib berpuasa walaupun terdapat negara yang tidak mahu berpuasa.

## iii. Dalil Akal.

Apa yang munasabah ialah bulan itu adalah suatu nama bagi apa yang ada di antara dua anak bulan, dan telah terbukti selama ini bahawa ketetapan hukum adalah dari nas dan ijmak. Oleh itu, pembuktian bulan Ramadan adalah dari ahli-ahli yang dipercayai dalam mencerpap anak bulan. Bukan sahaja di satu tempat tetapi terdapat pada tempat-tempat lain juga. Oleh itu dalam perbincangan ilmu usul fiqh terdapat istilah *إذ التفرقة تحكّم يحتاج إلى دليل* yang bermaksud sekiranya terdapat pemisahan antara apa yang hendak dihukumkan, maka ia memerlukan dalil. Dalil yang ada di sini ialah antara umum dan khusus. Jadi terdapat dalil umum berkaitan permulaan puasa yang arahnya kepada seluruh umat manusia, manakala dalil khusus itu iaitu *maṭla'* adalah menjadi subjek percanggahan antara fuqahā'.

## 3. Qaul Ketiga- Wajib Berpuasa Semua Negeri Jauh dan Dekat. Hanya yang sangat Jauh Tidak perlu

Pendapat muktamad dalam mazhab al-Maliki ialah kenampakan anak bulan apabila dilihat di sebuah negeri akan mewajibkan berpuasa kesemua negeri-negeri berdekatan dan juga negeri-negeri berjauhan. Bagi negeri yang sangat-sangat jauh tidak perlu mengambil pendapat ini. Mereka memegang pendapat ini sepenuhnya dan mengecualikan negara-negara yang sangat

<sup>50</sup> Abu Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi' Al-Bayān 'an Ta'wīl Āyī Al-Qurān*, (Makkah al-Mukarramah: Dār al-Tarbiyah wa al-Turāth, n.d.), 3:149.

<sup>51</sup> Abū al-Ḥusain Muslim bin al-Hajjāj al-Qusyairī al-Naisaburī, *Sahīh Muslim*, ed. Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī, (Qahirah: Maṭba'ah 'Isa al-Bābī al-Ḥalabī wa Syirkāhu, n.d.), 2: 762.

<sup>52</sup> Maṣṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Buhutī, *Kashāf Al-Qinā 'an Matan Al-Iqna'*, ed. Hilāl Muṣailihī Muṣṭafā Hilāl, (Riyāḍh: Maktabah al-Nasr al-Ḥadithāh, n.d.), 2:303.

jauh secara ijmak.<sup>53</sup> Antara negara-negara yang sangat jauh ialah Khurasan ke Andalus dan Hijaz ke Andalus.<sup>54</sup>

#### 4. Qaul Keempat- Setiap Negara Mempunyai Cerapannya Sendiri

Diriwayatkan dari ‘Ikrimah berkata bahawa setiap negara mempunyai cerapannya sendiri, dan tidak perlu kepada cerapan orang lain bagi menentukannya, dan mereka jadikan dalil hadis Kuraib sebagai hujah seperti yang disebutkan sebelum ini. Pendapat ini dipegang oleh *al-Qāsim bin Muḥammad bin Abī Bakr al-Ṣiddiq, Sālim bin ‘Abdullāh bin Omar bin Al-Khattāb,* dan *Ishāq bin Rāhawayh.*<sup>55</sup>

#### Kategori Tarjih

Setelah meneliti kesemua pendapat dan hujah dari empat mazhab terpilih, pengkaji mendapati amalan dalam pelaksanaan *matla’* ini boleh dikategori kepada empat keadaan.

- 1- Boleh memilih sama ada hendak mengikut *matla’* yang sama atau tidak. Pendapat ini sebenarnya adalah penganjuran berpuasa bagi negara-negara yang berdekatan antara satu sama lain. Tidak disebutkan berapa jauh atau berapa dekat negara-negara terbabit. Cumanya dalam mazhab Shafi’i terdapat hujah yang menyebut tentang jarak masafat al-Qasr<sup>56</sup>.
- 2- Berpuasa kesemuanya tanpa melihat kepada *matla’*. Pendapat ini merupakan pendapat yang diambil dari pemahaman al-Quran dan al-Hadith. Mereka yang memegang pendapat ini mengatakan *khitāb* فمن شهد di dalam surah al-Baqarah ayat 185 dalam ayat al-quran tersebut merangkumi makna semua manusia.
- 3- Wajib berpuasa semua negeri sama ada jauh dan dekat. Ini adalah pendapat muktamad dalam mazhab Maliki. Sungguhpun begitu, pendapat ini mengecualikan sesebuah negara yang sangat-sangat jauh.
- 4- Setiap negara mempunyai cerapannya sendiri. Pendapat ini adalah pendapat yang digunakan oleh kebanyakan negara di dunia termasuklah Malaysia, Indonesia, dan Brunei.

#### Pembahagian Pandangan

Setelah meneliti teks-teks diatas, pengkaji mendapati terdapat dua pandangan utama dalam permasalahan *matla’* ini. Pertama, terdapat pandangan yang mengatakan tiada *ikhtilāf al-maṭāli’* iaitu semua negara memulakan puasa dan berhari raya bersama-sama. Apabila sesebuah negara nampak anak bulan yang dicerap, maka seluruh negara umat Islam di dunia akan

---

<sup>53</sup> Pendapat yang dikeluarkan oleh al-Juzi dalam Qawanin al-Fiqhiyah. Lihat Tasdar ‘an Manzumah al-Mu’tamar al-Islāmī bi-Jeddah, “Majallah Majma’ Al-Fiqh Al-Islāmī Al-Tabi’ Li-Manzumah Al-Mu’tamar Al-Islāmī Bi-Jeddah,” accessed February 21, 2024, <https://shamela.ws/book/8356/1642>.

<sup>54</sup> *Ibid*, Tasdar ‘an Manzumah al-Mu’tamar al-Islāmī bi-Jeddah.

<sup>55</sup> Muwaffiq al-Dīn Abū Muḥammad ‘Abdullāh bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah al-Maqdisi al-Hanbalī, *Al-Mughnī Li Ibnī Al-Qudāmah.*, 4:328

<sup>56</sup> Di Malaysia, Jabatan Mufti Negeri Johor dan Jabatan Mufti Negeri Perak telah bertindak menetapkan jarak yang dibolehkan qasar solat ini sebanyak 81KM, manakala Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan menetapkan 82KM.

berpuasa dan berhari raya bersama-sama. Pandangan ini dipegang dalam pandangan masyhur Mazhab Hanafi dan Mazhab Hanbali. Dalam Mazhab Shafi'i, ia dipegang oleh Qadhi Abu Tayyib dan Ruyani. Manakala Mazhab Maliki berpandangan jika negara itu terlalu jauh, maka *maṭla'*nya terbahagi kepada perbezaan *maṭla'*, tetapi jika dekat ianya hanya satu *maṭla'* sahaja.

Kedua, terdapat perbezaan *maṭla'* atau disebut dalam fekah *ikhtilāf al maṭāli'*. Pendapat ini dipegang oleh Jumhur Shafi'i dan sebahagian daripada fuqaha bermazhab Hanbali dan Maliki dan Hanafi. Dalam pandangan ini, terdapat ketetapan iaitu jika negara berdekatan, maka *maṭla'* yang dipakai adalah satu. Ketetapan lain yang dipegang ialah jarak *masāfat al-Qaṣr* dan iklim.

### Kesimpulan

Justeru, setelah meneliti hujah-hujah yang diberikan, maka pengkaji memilih qaul pertama dalam kajian ini dalam usaha menyatukan *maṭla'* serantau iaitu *maṭla'* MABIMS yang merangkumi negara Malaysia, Brunei, Indonesia, dan Singapura. Hal ini kerana rantau ini berpegang dengan Mazhab al-Shafi'i secara langsung dan diketahui umum diamalkan sejak zaman berzaman. Walaupun berlaku percanggahan pandangan, maka yang lebih baik ada memilih pandangan yang boleh meraikan ramai pihak supaya penyelerasan dapat dilakukan. Pada masa yang sama mengelak daripada timbulnya polemik dalam masyarakat atau membawa kepada salah faham masyarakat dalam isu ini. Sedangkan, perkara yang dibincangkan ini boleh disatukan dan sama-sama mendapat manfaat secara bersama. Ia turut dapat menunjukkan imej penyatuan dalam kalangan warga di nusantara ini dalam soal *maṭla'*.

### Rujukan

- Abi Abdullah Muhammad bin Abd al-Rahman al-Dimashqi. *Rahmah Al-A'immah Fi Ihtilaf Al-Ummah*. Beirut: Dar al-Fikr Li Attiba'ah Wa al-Nasyr Wa al-Tauziq, 2005.
- Abu al-Fadhl Zain al-Din Abd al-Rahim bin al-Husain bin Abd Rahman bin Abi Bakr bin Ibrahim al-Iraqi. "Ṭarḥ Al-Tathrīb Fi Syarḥ Al-Taqrīb (Al-Maqsūd Bittaqrīb: Taqrīb Al-Asānīd Wa Tartīb Al-Masānīd)." Accessed February 19, 2024. <https://shamela.ws/book/11036>.
- Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi. *Sahih Muslim*. Edited by Muhammad Fuad Abd al-Baqi, Qahirah: Matbaah Isa al-Babi al-Halabi wa Syirkahu, n.d.
- Abu Ishaq Ibrahim bin Ali bin Yusuf al-Syiradhi. *Al-Muhadzab Fi Fiqh Al-Imam Al-Syafi'i*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah, n.d.
- Abu Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī. *Jāmi' Al-Bayān 'an Ta'wīl Āyī Al-Qurān*. Makkah al-Mukarramah: Dār al-Tarbiyah wa al-Turāth, n.d.
- Abu Umar bin Abd al-Barr al-Namari al-Qurtubi. *Al-Tamhid Lima Fi Al-Muwatta' Min Al-Ma'ani Wa Al-Masanid Fi Hadith Rasul Allah - Salla Allah Alaihi Wa Sallam*. Edited by Hasan Abd al-Mun'in Syilbi dan Muhammad Basyar Awad. London: Muassasah al-Furqan Litturath al-Islami, 9: 2017.
- Abu Zakariya Mahyi al-Din bin Syaraf al-Nawawi. *Al-Majmu' Syarh Al-Muhazzab*. Edited by Lujnah Min al-Ulama'. 6th ed. Qahirah: Idarah al-Tabaah al-Muniriyyah, n.d.
- Al-Imām Kamāl al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al-Wāḥid al-Sīwāsī al-Sakandarī. *Fath Al-Qadīr 'alā Al-Hidāyah*. Edited by Syamsu al-Din Ahmad. J. 2. Misr: Syarikah Maktabah wa Matba'ah Masfa al-Babi al-Halabi, 1970.

- Al-Khalili, Ahmad bin Hamad. *Ikhtilaf Al-Matali' Waatharuhu Ala Ikhtilaf Al-Ahillah*. Oman: Maktabah al-Ifta', n.d.
- Al-Khatib al-Syarbaini. "Kitab Mughni Al-Muhtaj Ila Makrifati Maani Alfaz Al-Minhaj." Accessed January 4, 2022. <https://shamela.ws/book/11444/672>.
- "Al-Maany.Com." Accessed May 27, 2021. <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/المطلع/>.
- Al-Nawawi. "Kitab Minhaj Al-Talibin Wa Umdatul Muftiyyin Fi Al-Fiqh." Accessed January 4, 2022. <https://shamela.ws/book/12096/87>.
- Al-Qāḍhi Muḥammad bin ʿAbdullah Abū Bakr bin al-ʿArabi al-Māliki. *Al-Masālik Fi Syarḥ Al-Muwaṭṭa' Mālik*. Edited by Muḥammad bin al-Husain al-Sulaimānī dan A'isyah binti al-Husain al-Sulaimānī. C. 1, j.4. Dār al-ʿArab al-Islāmī, 2007.
- Al-Sayyid Sabiq. *Fiqh Al-Sunnah*. Cet. 5. Beirut: Dar al-Fikr Li Attiba'ah Wa al-Nasyr Wa al-Tauziq, 1971.
- Ala'uddin Abu al-Hasan Ali bin Sulaiman bin Ahmad al-Mardawi. *Al-Insaf Fi Ma'rifah Al-Rajih Min Al-Khilaf*. Edited by Dr Abdullah bin Abd al-Muhsin al-Turki. J. 1. Qahirah: Hijr li al-Tabaah wa al-Nasyr wa al-Tauziq wa al-I'lan, 1995. <https://shamela.ws/book/19228>.
- Ali Jum'ah Muhammad. *Al-Madkhal Ila Dirasah Al-Mazahib Al-Fiqhiyah*. C. 4. Kaherah: Dar al-Salam, 2012.
- Atmanto, Nugroho Eko. "Implementasi Matlak Wilayahul Hukmi Dalam Penentuan Awal Bulan Kamariah (Perspektif Nahdlatul Ulama Dan Muhammadiyah)." *Elfalaky: Jurnal Ilmu Falak* 1, no. 1 (2017): 45–60.
- Azhari, Susiknan. "Neo-Visibilitas Hilal MABIMS." *Opini*, 2022. [https://www.republika.id/posts/25415/neo-visibilitas-hilal-mabims?fbclid=IwAR2iEAlbDA-RfdwObY-D-cf3vHdFJHOvenY2QgIx73EU5VUFVybO05fk\\_dg](https://www.republika.id/posts/25415/neo-visibilitas-hilal-mabims?fbclid=IwAR2iEAlbDA-RfdwObY-D-cf3vHdFJHOvenY2QgIx73EU5VUFVybO05fk_dg).
- E.J Brills. "Al-Matla'." Accessed May 28, 2021. [https://referenceworks.brillonline.com/entries/encyclopaedia-of-islam-2/al-matla-SIM\\_5039?s.num=2&s.f.s2\\_parent=s.f.cluster.Encyclopaedia+of+Islam&s.q=matla](https://referenceworks.brillonline.com/entries/encyclopaedia-of-islam-2/al-matla-SIM_5039?s.num=2&s.f.s2_parent=s.f.cluster.Encyclopaedia+of+Islam&s.q=matla).
- Ibn al-Mulqin. "Kitab Ajalatu Al-Muhtaj Ila Taujih Al-Minhaj." Accessed January 4, 2022. <https://shamela.ws/book/20561/516>.
- Ibrahim bin Muhammad al-Sasi bin Amir al-sufi. *Al-Usul Al-Ḥasān Lima Bihi Thubuth Ṣaum Ramaḍhān*. Edited by Yasin bin Muhammad Bahi. Algeria: Laboratory of Doctrinal and Judicial Studies University of Eloud, 2021.
- "Kamus Besar Bahasa Indonesia." Accessed May 27, 2021. <https://kbbi.web.id/matlak>.
- Mansur bin Yunus bin Idris al-Buhuti. *Kashāf Al-Qinā an Matan Al-Iqna*. Edited by Hilal Musailihi Mustafa Hilal. J. 2. Riyadh: Maktabah al-Nasr al-Hadithah, n.d.
- Meri Fitri Yanti. "Pendapat Empat Mazhab Tentang Mathla' Dalam Penentuan Awal Bulan Hijriah." Institut Agama Islam Negeri Raden Intan, 2017. [http://repository.radenintan.ac.id/476/1/Skripsi\\_pdf\\_TT.pdf](http://repository.radenintan.ac.id/476/1/Skripsi_pdf_TT.pdf).
- Muhammad Idris Abd al-Rauf al-Marbawiy. *Bahr Al-Mazi Syarah Bagi Mukhtasar Sahih Al-Tirmizi*. J. 5. Mesir: Matbaah Mustafa Thani wa Awladuhu, 1934.
- Muwaqqif al-Din Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah al-Maqdisi

al-Hanbali. *Al-Mughnī Li Ibnī Al-Qudāmah*. Edited by Abdullah bin Abd al Muhsin al-Turkey. E. 3 j.4. Riyadh, Mamlakah Arabiyah al-Suudiyah: Dar al-Alim al-Kutub Littabaah wa al-Nasyru wa al-Tauziq, 1997.

Muwafiqi al-Amin. "Al-Ikhtiyarat Al-Fiqhiyyah Li Al-Syeikh Al-Mubarakfuri Kitab Al-Siyam Wa Al-Iktikaf." *Jamiah al-Islamiyah bi al-Madinah al-Munawwarah*, 1435. <https://shamela.ws/book/133371/71#p1>.

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. "Pandangan Hukum Syarak; Penentuan Kadar Dua Marhalah, Qaryah Dan Balad Dari Perspektif Fiqh Semasa 2021." Accessed January 5, 2022. <https://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-personalisation/fatwa-tahunan/keputusan-fatwa-xwarta/2016/1138-pandangan-hukum-syarak-penentuan-kadar-dua-marhalah-qaryah-dan-balad-dari-perspektif-fiqh-semasa>.

Rosyadi, Imron. "Matlak Global Dan Regional (Studi Tentang Keberlakuan Rukyat Menurut Fikih Dan Astronomi)." In *Conference Proceeding Annual International Conference of Islamic Studier XII*, 2515–17. Accessed April 22, 2021. [http://digilib.uinsby.ac.id/7545/1/Buku\\_6\\_Fix\\_2.pdf](http://digilib.uinsby.ac.id/7545/1/Buku_6_Fix_2.pdf).

S.Farid Ruskanda et.all. *Rukyah Dengan Teknologi: Upaya Mencari Kesamaan Pandangan Tentang Penentuan Awal Ramadhan Dan Syawal*. Cet. 1. Jakarta: Gema Insani Press, 1994.

T. Djamaluddin. "Unifikasi Kalender Islam Nasional, Regional, Dan Global Mudah, Asal Mau Bersepakat." *ogos*, 2012. <https://tdjamaluddin.wordpress.com/2012/08/01/unifikasi-kalender-islam-nasional-regional-dan-global-mudah-asal-mau-bersepakat/>.

Tasdar ‘an Manzumah al-Mu’tamar al-Islāmī bi-Jeddah. "Majallah Majma‘ Al-Fiqh Al-Islāmī Al-Tabi‘ Li-Manzumah Al-Mu’tamar Al-Islāmī Bi-Jeddah." Accessed February 21, 2024. <https://shamela.ws/book/8356/1642>.

Uthman bin Ali al-Zaila’iy al-Hanafi. *Tabyin Al-Haqaiq Syarh Kanz Al-Dakha’iq Wa Hasyiah Al-Syilbi*. J. 1. Qahirah: al-Matba’ah al-Kubra al-Amiriyah, 1314. <https://shamela.ws/book/23023>.

Wizarah al-Auqaf wa al-syu’un al-Islamiyah. *Al-Mausuah Al-Fiqhiyah Al-Kuwaitiyah*. C. 2, j.22. Kuwait: Dar al-Salasil, 1467.